



LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans 'AmDrive Plus'

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Insurans 'AmDrive Plus'. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi Pihak Diinsuranskan, pemandu dan/atau penumpang sekiranya berlaku kecederaan anggota badan disebabkan kemalangan yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya semasa memandu atau menunggang, menaiki atau turun daripada kenderaan yang dinamakan dalam polisi.

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan (Pemegang Polisi) selama 24 jam seluruh dunia tanpa mengira sama ada Pihak Diinsuranskan di dalam kenderaan yang dinamakan dalam polisi terhadap kematian, hilang upaya kekal dan perbelanjaan perubatan disebabkan oleh punca-punca kemalangan. Jika kenderaan yang diinsuranskan didaftarkan di bawah Persatuan/Koperasi/Syarikat, pemilik kenderaan yang diinsuranskan sebagai pemegang polisi boleh menamakan seseorang untuk dilindungi di bawah perlindungan perluasan ini.

Perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda hendaklah diberikan di Malaysia sahaja. Had tunda dilindungi sehingga 450km pergi balik. Caj tol semasa perkhidmatan tunda adalah tanpa had.

Kelayakan: Pemilik kereta persendirian berusia 17 tahun dan ke atas.

2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Sila rujuk kepada Jadual Faedah dalam risalah produk.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar adalah RM84.20 (termasuk 6% Cukai Perkhidmatan dan setem duti RM10).

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	10% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Pematuhan kepada Perlindungan Insurans Motor – Polisi ini akan secara automatik menjadi tidak sah atau terbatal sekiranya kenderaan yang dinamakan dalam polisi tidak lagi diinsuranskan di bawah polisi motor kereta persendirian.
- Tiada had umur bagi penumpang.
- Had wilayah yang dilindungi adalah Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam kecuali dinyatakan dengan jelas di bawah faedah tersebut.
- Peruntukan Khas
 - Sekiranya bilangan penumpang sebenar melebihi bilangan yang dinyatakan dalam jadual polisi, had liabiliti Syarikat untuk setiap orang di dalam semua faedah, kecuali Faedah 5 (Perbelanjaan Ehsan Akibat Banjir) dan Faedah 7 (Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda Di Dalam Malaysia) sebagaimana disenaraikan di dalam polisi insurans, akan dikurangkan mengikut nisbah bilangan sebenar penumpang terhadap bilangan penumpang yang diisytiharkan. Had tidak terpakai kepada pemandu.
- Dua atau Lebih Polisi – Jika berlaku tuntutan di bawah Faedah 3 dan 5 sekiranya terdapat mana-mana insurans lain yang melindungi risiko/faedah yang sama, sama ada dengan AmGeneral atau syarikat insurans lain, AmGeneral tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih daripada perkadaran yang setimpal dengannya.
- Pihak Diinsuranskan yang berumur 17 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibubapa/penjaga sebelum membeli polisi insurans ini.

6. **Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Keadaan pra-wujud;
- Melahirkan anak atau keguguran;
- Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan Memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga Anda atau Pemandu Dibenarkan oleh Anda tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik;
- Ketika kenderaan tersebut digunakan untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang atau sebagai pengangkut tidak berlesen;
- Bunuh diri dan sebarang bentuk percubaan bunuh diri;
- Jika Anda atau Pemandu Dibenarkan oleh Anda tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu Kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuatkuasakan sekiranya Anda atau Pemandu Dibenarkan oleh Anda memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperoleh lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC);
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti kepada/oleh kereta dinamakan dalam polisi semasa perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda;
- Semasa Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan terlibat dalam perkelahian/pergaduhan atau mogok, rusuhan, kekecohan awam atau demonstrasi;
- Keganasan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. **Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?**

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan 14 hari notis bertulis kepada AmGeneral. Kami akan mengekalkan premium mengikut kadar jangka pendek bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa dan membayar balik kepada anda bahagian tempoh polisi yang belum tamat tempoh, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans.

8. **Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. **Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,

No. 211, Jalan Tun Sambanthan,

50470, Kuala Lumpur, Malaysia

Talian Bebas : 1 800 88 6333

E-mel : customer@amassurance.com.my

Laman Web : www.amassurance.com.my

10. **Lain-lain Perlindungan Insurans Serupa yang Ada.**

Sila rujuk cawangan kami yang berdekatan anda serta ejen-ejen untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA FAEDAH-FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 November 2020.